


DT



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)



# Buku Panduan Fellow



LG  
173  
.M44  
.U84  
2008  
osa  
n12

Edisi Pejabat Pendaftar Bilangan 1. 2008

## *Jutaan Terima Kasih*



Kepada  
**PEJABAT PENDAFTAR**  
Daripada  
**Perpustakaan**

**Universiti Teknikal Malaysia Melaka**  
Karung Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh, Melaka  
Malaysia

Tel: 06-2332281/2286 Fax: 06-2332284

Laman Web: <http://library.utm.edu.my> E-Mail: [library@utm.edu.my](mailto:library@utm.edu.my)

اوتيمور سيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PERPUSTAKAAN**  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

**000055584**

**07 MAY 2009**

osa

LG173.M44 .U84 2008.



0000055584

Buku panduan fellow / Universiti Teknikal Malaysia Melaka.



**EDISI PEJABAT PENDAFTAR BIL. 1/2008**

Buku ini adalah hak milik Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Tidak ada mana-mana bahagian dalam buku ini boleh di terbitkan semula dalam apa-apa bentuk penerbitan (grafik, mekanikal atau elektronik termasuk membuat salinan, merekod, merakam, sebaran laman web dan lain-lain) tanpa kebenaran UTeM.

Kebenaran untuk menggunakan bahan dalam buku ini, sila hubungi:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
<http://www.utm.edu.my>  
Tel : 606-233 2323  
Fax : 606-232 2828

# ISI KANDUNGAN

1.	<i>UTeM.FELLOW 1/2008</i> .....	5
	<i>Skim Fellow</i>	
2.	<i>UTeM.FELLOW 2/2008</i> .....	27
	<i>Perjanjian Fellow</i>	
3.	<i>UTeM.FELLOW 3/2008</i> .....	37
	<i>Surat Setuju Terima Tawaran dan Syarat Skim Fellow</i>	
4.	<i>UTeM.FELLOW 4/2008</i> .....	38
	<i>Panduan Mengisi Perjanjian Fellow</i>	
5.	<i>UTeM.FELLOW 5/2008</i> .....	42
	<i>Butiran Kewangan Penjamin</i>	
6.	<i>UTeM.FELLOW 6/2008</i> .....	43
	<i>Maklumat Diri Fellow di Tempat Pengajian</i>	
7.	<i>UTeM.FELLOW 6/2008</i> .....	45
	<i>Borang Laporan Kemajuan Pengajian</i>	
8.	<i>UTeM.FELLOW 8/2008</i> .....	54
	<i>Borang Permohonan Perlanjutan Cuti Belajar</i>	
9.	<i>UTeM.FELLOW 9/2008</i> .....	56
	<i>Tempoh Pengajian &amp; Penajaan Fellow</i>	
10.	<i>UTeM.FELLOW 10/2008</i> .....	57
	<i>Tempoh Ikatan Perjanjian &amp; Jumlah Gantirugi</i>	

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
**SKIM FELLOW**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen 19 Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Lembaga Pengarah menurut peruntukan seksyen tersebut membuat Skim berikut:

**Seksyen 19**

**NAMA DAN TARIKH PENGUATKUASAAN**

1. Skim ini hendaklah dikenali sebagai Skim Fellow Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh Lembaga Pengarah meluluskan Skim ini.

**Nama Skim  
Dan Tarikh  
Penguatkuasaan**

**BAHAGIAN 1  
TAFSIRAN**

2. Dalam Skim ini melainkan jika ada makna lain yang terjelas daripada konteksnya tafsiran berikut akan terpakai:-
  - 2.1. "Universiti" ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
  - 2.2. "Institusi Pengajian" ertinya universiti di mana seseorang fellow diluluskan mengikuti kursus pengajian.
  - 2.3. "Fellow" ertinya seorang fellow bukan staf Universiti dan dipersetujui untuk dihantar bercuti belajar dengan biasiswa tajaan Universiti dan/atau Kerajaan dibawah Skim Fellow.
  - 2.4. "Panel Cuti Belajar" ialah Panel yang bertanggungjawab mengenai hal-ehwal cuti belajar di peringkat Universiti.
  - 2.5. "CGPA" ertinya Cumulative Grade Point Average.

**Tafsiran**

- 2.6. "Keluarga Fellow" ertinya bagi Fellow lelaki, ialah isteri dan anak-anaknya dan bagi Fellow perempuan ialah suami dan anak-anaknya. Di mana ada disebutkan tentang kemudahan yang boleh diberi bagi keluarga seseorang Fellow, maka anak yang berkecukupan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh Fellow serta belum mencapai umur 13 tahun. Walau bagaimanapun bagi anak yang daif kerana kelemahan otak atau jasmani had umur ini tidak akan terpakai. Maka anak bermaksud anak-anak kandung fellow, anak tiri dan anak angkat yang sah disisi undang-undang.
- 2.7. "IELTS" ertinya International English Language Test System.
- 2.8. "TOEFL" ertinya Test of English as a Foreign Language.
- 2.9. "SLAB" ertinya Skim Latihan Akademik Bumiputera.
- 2.10. "SLAI" ertinya Skim Latihan Akademik IPTA.



## **BAHAGIAN II**

### **TUJUAN**

3. Mengenalpasti bakal-bakal tenaga pengajar yang berkelayakan untuk ditawarkan biasiswa SLAB/SLAI. Mereka yang berjaya mendapat tajaan tersebut boleh dipertimbangkan untuk menjawat jawatan pensyarah, sekembalinya mereka daripada pengajian lanjutan (dengan jayanya) di peringkat sarjana atau PhD.

### **OBJEKTIF**

4. Skim ini diwujudkan bagi memenuhi objektif-objektif berikut:
  - 4.1. penyediaan tenaga sumber manusia yang mempunyai kelayakan akademik tertinggi yang relevan dengan keperluan pengajian di Universiti;
  - 4.2. membentuk sumber manusia yang profesional dan berkualiti yang mampu membantu Universiti menjadi Pusat Kecemerlangan Akademik dan Teknologi Termaju;
  - 4.3. memantap serta mengukuhkan pengetahuan sumber manusia dalam bidang-bidang pengkhususan dan kepakaran tertentu;
  - 4.4. mewujudkan sebuah skim latihan akademik alternatif disamping skim-skim lain sedia ada;
  - 4.5. menyediakan suatu garis panduan yang jelas berkaitan Skim Fellow bagi bakal fellow akademik Universiti; dan
  - 4.6. menyediakan proses kerja yang lengkap bagi pelaksanaan Skim Fellowship di Universiti.

### **BAHAGIAN III**

## **KELAYAKAN DAN KELULUSAN**

5. Tertakluk kepada peraturan lain dalam Skim ini, permohonan skim fellow akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Panel Cuti Belajar sedia ada. **Kelulusan**

6. Syarat bagi membolehkan seseorang fellow layak dipertimbangkan skim fellow adalah seperti dibawah; **Kelayakan**

#### 6.1. Syarat Lantikan

6.1.1. Ijazah Sarjana Muda dengan kelulusan sekurang-kurangnya Kelas Kedua Tertinggi atau CGPA 3.0 keatas atauljazah Sarjana yang diiktiraf;

6.1.2. Kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM/ MCE;

6.1.3. Telah menduduki peperiksaan IELTS dengan skor minimum 5.0 bagi mengikuti pengajian dalam negeri atau skor minimum 6.0 bagi mengikuti pengajian di luar negara.

**ATAU**

Telah menduduki peperiksaan TOEFL dengan skor minimum 500 bagi mengikuti pengajian dalam negeri atau skor minimum 580 bagi mengikuti

pengajian di luar negara.

#### 6.2. Had Umur

6.2.1. Berumur tidak lebih 35 tahun bagi ingin mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana;

6.2.2. Berumur tidak lebih 40 tahun bagi yang ingin mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah

#### 6.3. Taraf Pelantikan

6.3.1. Disepanjang tempoh pengajian, taraf pelantikan fellow yang dipertimbangkan Skim Fellow akan dikira sebagai pelajar (Fellow).



6.4. Ikatan Perjanjian

- 6.4.1. Fellow akan terikat untuk berkhidmat dengan Universiti yang berkuatkuasa mulai tarikh fellow melapor diri sebagai staf Universiti.
- 6.4.2. Fellow dikehendaki menanda tangani Perjanjian Cuti Belajar dan akan terikat untuk berkhidmat dengan Universiti setelah tamat pengajian selama tempoh yang ditetapkan. Tempoh ikatan perjanjian dan jumlah ganti rugi adalah seperti dalam dokumen perjanjian.
- 6.4.3. Sekiranya fellow tidak menanda tangani atau menyempurnakan perjanjian ini selewat-lewatnya 1 bulan sebelum fellow mendaftar pengajian, maka kelulusan Cuti Belajar ini boleh terbatal.



## **BAHAGIAN IV**

### **ELAUN**

7. Elaun Peribadi akan dibayar oleh Universiti.
8. Elaun-elaun lain yang berkaitan pada kadar bujang akan dibayar oleh Kementerian Pengajian Tinggi (Biasiswa SLAB/SLAI).
9. Bagi fellow yang membawa keluarga, elaun-elaun serta baki-beda elaun-elaun berkaitan keluarga akan dibayar oleh Universiti.
10. Fellow perlu memaklumkan kepada pihak universiti sekiranya menerima Biasiswa atau sebarang bentuk bantuan kewangan dari luar semasa pengajian. Universiti atau Kementerian Pengajian Tinggi hanya membayar kadar perbezaan sekiranya bantuan luar yang diterima kurang daripada kadar biasiswa SLAB/SLAI. Sekiranya Fellow tidak melaporkan kepada Universiti mengenai perkara ini, biasiswa dan cuti belajar akan ditamatkan.
11. Pasangan suami-isteri yang mengikuti kursus yang sama di Universiti yang sama dan tinggal bersama atau mengikuti kursus di Universiti yang berlainan tetapi tinggal bersama, maka salah seorang darinya akan diletakkan dibawah Program Spouse.
12. Elaun-elaun dan bantuan yang terlibat;

#### **12.1. Elaun Peribadi**

Dibayar sepanjang tempoh pengajian seperti berikut:

- a) Pengajian Sarjana = RM1,750.00 sebulan
- b) Pengajian Kedoktoran = RM2,150.00 sebulan

#### **12.2. Elaun Sara Hidup**

Fellow akan dibayar Elaun Sara Hidup setiap bulan bagi menyara hidup semasa menuntut.

### 12.3. Yuran Pengajian

- a) Yuran-yuran pengajian akan dibayar oleh Universiti bagi pihak fellow seperti berikut:-
  - i. Yuran masuk dan pendaftaran.
  - ii. Yuran pengajian, termasuk yuran makmal dan syarahan.
  - iii. Yuran peperiksaan yang berhubung dengan kursus; dan
  - iv. Yuran kesatuan penuntut-penuntut (jika diwajibkan oleh pihak institusi pengajian)
- b) Bagi tujuan di atas, fellow adalah dikehendaki memberitahu institusi pengajiannya supaya mengemukakan invoice atau bil-bil tuntutan yang berkaitan dengan yuran-yuran pengajian di atas terus kepada Universiti ini untuk tindakan pembayaran.

### 12.4. Elaun Buku

Elaun Buku akan dibayar secara outright grant sekali setahun mengikut peringkat pengajian.

### 12.5. Elaun Alat Perkakas

Elaun Alat Perkakas akan dibayar sekali dalam setahun untuk pengajian yang melebihi 9 bulan.

### 12.6. Elaun Tesis TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- a) Elaun Tesis dibayar sekali sahaja di sepanjang pengajian dengan syarat penyediaan tesis atau disertasi diperlukan sebagai satu keperluan dalam kursus.
- b) Pembayaran Elaun Tesis akan dibuat di akhir pengajian iaitu setelah pegawai mengemukakan dan menyerahkan satu salinan tesis atau disertasi ke Universiti ini. Tesis atau disertasi yang telah dikemukakan itu adalah menjadi hak Universiti dan atas kebenaran Universiti, ianya boleh digunakan oleh pegawai-pegawai kerajaan, pelajar-pelajar atau orang perseorangan sebagai bahan bacaan dan rujukan.

## 12.7. Elaun Latihan Amali

- a) Elaun Latihan Praktik akan dibayar tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-
  - i. Latihan itu diwajibkan oleh institusi pengajian sebagai satu keperluan pengajian;
  - ii. Latihan itu mendapat sokongan daripada penyelia; dan
  - iii. Latihan itu dijalankan dalam masa cuti penggal.
- b) Elaun Latihan Praktik tidak akan dibayar sekiranya:
  - i. Latihan itu dijalankan dalam masa penggal pengajian kecuali tempat latihan itu terletak di luar kawasan 25 km dari institusi pengajian; atau
  - ii. Fellow mendapat atau menerima apa-apa bantuan kewangan atau kemudahan dari sumber lain.

## 12.8. Elaun Penempatan

- a) Elaun Penempatan akan dibayar sebelum fellow bertolak ke tempat pengajian iaitu dengan tujuan untuk membantu menampung perbelanjaan-perbelanjaan runcit seperti tambang perjalanan dari rumah ke tempat pengajian, upah mengikut barang-barang, perbelanjaan penginapan dan makan sebelum mendapat tempat tinggal yang tetap, perbelanjaan membawa barang-barang berlebihan dan lain-lain perbelanjaan runcit. Dengan pemberian elaun ini, fellow tidaklah boleh membuat apa-apa tuntutan berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut di atas.
- b) Universiti akan membayar Elaun Penempatan bagi fellow yang membawa keluarga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - i. tempoh pengajian 9 (sembilan) bulan atau lebih; dan
  - ii. keluarga tinggal bersama fellow di tempat pengajian secara terus menerus tidak kurang dari 6 (enam) bulan.

- c) Universiti tidak akan membayar Elaun Penempatan kepada fellow yang sedang atau sudah sedia berada di institusi pengajian.

#### 12.9. Elaun Akhir Pengajian

- a) Elaun ini akan dibayar setelah fellow kembali ke bertugas selepas menamatkan pengajian, bagi tujuan untuk menampung perbelanjaan seperti tambang dari rumah di tempat pengajian ke tempat kediaman, upah mengangkut barang-barang, perbelanjaan membawa barang-barang lebihan dan lain-lain perbelanjaan runcit. Dengan pemberian elaun ini fellow tidaklah boleh membuat apa-apa tuntutan berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut di atas;
- b) Universiti akan membayar Elaun Akhir Pengajian bagi fellow yang membawa keluarga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- tempoh pengajian 9 (sembilan) bulan atau lebih; dan
  - keluarga tinggal bersama-sama fellow di tempat pengajian secara terus menerus selama tidak kurang dari 6 (enam) bulan.

#### 12.10. Elaun Bantuan Sewa Rumah

- a) Elaun Bantuan Sewa Rumah akan dibayar kepada fellow yang membawa keluarga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- tempoh pengajian 12 (dua belas) bulan atau lebih; atau
  - keluarga tinggal bersama-sama fellow di tempat pengajian secara terus menerus tidak kurang dari 6 (enam) bulan;
- b) Elaun Bantuan Sewa Rumah dan Elaun Bantuan Keluarga tidak dibayar:
- kepada fellow bujang;
  - kepada fellow yang tidak membawa keluarga;
  - jika pengajian kurang daripada 12 (dua belas) bulan; dan
  - jika keluarga tinggal bersama-sama fellow di tempat pengajian secara terus menerus kurang dari 6 (enam) bulan.

### 12.11. Elaun Bantuan Keluarga

Elaun bantuan keluarga akan dibayar kepada fellow yang membawa keluarga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) tempoh pengajian 12 (dua belas) bulan atau lebih; atau
- b) keluarga tinggal bersama-sama fellow di tempat pengajian secara terus menerus tidak kurang dari 6 (enam) bulan.

### 12.12. Elaun Pakaian Panas

- a) Elaun Pakaian Panas akan dibayar kepada fellow yang mengikuti pengajian di negara beriklim sederhana tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.
- b) Elaun ini akan dibayar sebelum fellow berlepas ke negara berkenaan. Jika pengajian yang diikuti melebihi 48 bulan, elaun pakaian tambahan sebanyak 25% daripada kadar asas dan dibayar kepada fellow yang telah mengenakan pengajian 36 bulan dengan syarat fellow akan meneruskan pengajian sekurang-kurangnya 9 bulan lagi.
- c) Elaun Pakaian Panas untuk keluarga akan dibayar kepada fellow yang membawa keluarga tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-
  - i. Keluarga fellow tidak pernah menerima Elaun Pakaian Panas;
  - ii. tempoh pengajian 12 bulan atau lebih; dan
  - iii. keluarga tinggal bersama-sama fellow di luar negara secara terus menerus tidak kurang dari 6 bulan.

### 12.13. Tambang Perjalanan

- a) Fellow akan mendapat kemudahan tambang kapal terbang dari lapangan terbang di Malaysia ke lapangan terbang negara pengajian, sekali pergi dan sekali balik mengikut jalan terdekat dan/atau kadar tambang termurah (meskipun tidak mengikut kelayakan). Jadual perjalanan/penerbangan akan ditetapkan oleh Universiti.
- b) Universiti ini akan membayar tambang kapal terbang pergi dan balik untuk keluarga fellow tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
  - i) Tempoh pengajian fellow 12 bulan atau lebih; dan
  - ii) Keluarga tinggal bersama-sama fellow di luar negara secara terus menerus tidak kurang dari 6 bulan.
- c) Tiket penerbangan akan dikeluarkan hanya setelah fellow menyempurnakan semua syarat sebagaimana dinyatakan di Surat Kelulusan Cuti Belajar.

### 12.14. Kemudahan Membentang Kertas Kerja di Seminar/ Persidangan Semasa Kursus

- a) Tuntutan perbelanjaan menghadiri seminar dan persidangan akan dibayar tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-
  - i. membuat permohonan sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum seminar/bengkel/ konvensyen dan lain-lain diadakan;
  - ii. mendapat kelulusan Universiti terlebih dahulu; dan
  - iii. kehadiran di seminar/persidangan adalah bagi tujuan membentang kertas kerja.

- b) Bayaran yang dipertimbangkan ialah:
- i. Bagi fellow yang menghadiri seminar/persidangan dengan membentangkan kertas kerja di luar negara (luar dari tempat pengajian):-
    - a. Yuran pendaftaran;
    - b. Tambang pergi/balik; dan
    - c. Bayaran Penginapan
  - ii. Bagi fellow yang menghadiri seminar/persidangan dengan membentangkan kertas kerja di dalam negeri (dalam negara tempat pengajian):
    - a. Yuran Pendaftaran
    - b. Bayaran Penginapan; dan
    - c. Tambang Perjalanan
    - d. Bayaran penginapan dan tambang perjalanan sekali pergi dan sekali balik hanya dibayar dengan syarat tempat seminar/persidangan terletak di luar kawasan 25 km dari institusi pengajian.

#### 12.15. Rawatan dan kemudahan Perubatan

- a) Kemudahan perubatan yang diluluskan kepada fellow yang meneruskan pengajian di universiti dalam negeri adalah melalui peruntukan seperti berikut;
  - i. Fellow dan tanggungannya adalah layak mendapat kemudahan perubatan sebagaimana ditetapkan di dalam peraturan/pekeliling dan Skim Perkhidmatan Perubatan fellow Universiti ini. Di tempat-tempat di mana tidak terdapat perkhidmatan Doktor Panel Universiti, fellow hendaklah mendapatkan rawatan dan kemudahan perubatan dari hospital atau Klinik Kerajaan sahaja.
  - ii. Universiti ini tidak akan menanggung bayaran perbelanjaan perubatan atas rawatan yang diperolehi/dijalani dari Klinik Swasta



- b) Kemudahan perubatan yang diluluskan kepada fellow yang bercuti belajar di luar negara adalah melalui peruntukan seperti berikut:-
- i. Peruntukan Bagi Negara Yang Ada Skim Insurans Kesihatan:
    - a. Di negara-negara terdapatnya skim insurans kesihatan, contohnya di Amerika Syarikat fellow hendaklah mencarum di bawah skim insurans tersebut meliputi diri dan keluarga. Tanggungjawab itu termasuklah rawatan bersalin kecuali bagi fellow yang disyaratkan untuk mencarum kepada skim insurans yang ditetapkan oleh institusi pengajiannya;
    - b. Insurans Kesihatan pakar dibiayai oleh Universiti;
    - c. Universiti akan membayar:
      - § Premium insurans bagi fellow dan keluarga;
      - § Perbezaan tuntutan rawatan fellow dan keluarga yang tidak dibayar sepenuhnya oleh pihak insurans kesihatan berkenaan;
      - § Rawatan bersalin yang akan dibayar oleh pihak insurans kesihatan berkenaan sekiranya isteri fellow telah sedia mengandung sebelum bertolak ke luar negara.
    - d. Fellow hendaklah mengemukakan kepada Universiti ini salinan perkara-perkara seperti berikut:-
      - § Kad Ahli Skim Insurans Kesihatan Keluarga; dan
      - § Polisi atau Skim Insurans Kesihatan

Tuntutan pembayaran premium insurans kesihatan fellow dan keluarga tidak akan dibayar oleh Universiti sehinggalah perkara-perkara di atas diterima oleh Universiti ini.

- ii. Peruntukan bagi Negara Yang Tidak Terdapat Skim Insurans Kesihatan.

Di negara-negara tidak terdapat Skim Insurans Kesihatan Rawatan, yang layak dibayar adalah rawatan perubatan di hospital dan klinik kerajaan. Walau bagaimanapun dalam kes kecemasan rawatan di hospital dan klinik swasta boleh dipertimbangkan.

- d) Tanggungan Bagi Keluarga Fellow

Keluarga fellow yang tidak mengiringi fellow Cuti Belajar adalah tidak layak mendapat rawatan perubatan dalam negara di bawah skim perubatan Universiti.

- c) Rawatan Pergigian

Rawatan Pergigian yang layak dibayar adalah seperti berikut:

- i. Rawatan seperti yang dibayar di bawah skim insurans kesihatan kerajaan; dan
- ii. Mereka yang mencarum dengan skim insurans selain daripada yang dituluskan oleh Universiti. Universiti akan menimbangkan bayaran bagi mencabut gigi sahaja (dental care for emergency alleviation of pain)

**BAHAGIAN V**  
**PERATURAN DAN SYARAT UMUM PERMOHONAN**  
**SKIM FELLOW**

13. Permohonan hendaklah dibuat dalam borang permohonan yang boleh didapati dari Pejabat Pendaftar.
14. Borang permohonan yang dipenuhi dengan lengkap dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar tidak lewat tiga (3) bulan dari tarikh pendaftaran.
15. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan bersama borang permohonan ialah:
16. Fellow yang memohon bagi pengajian Ijazah Doktor Falsafah perlu mengemukakan maklumat tambahan berikut bersama-sama borang permohonan cuti belajar:-
  - 16.1. Cadangan penyelidikan secara terperinci yang telah diterima/diluluskan oleh penyelia Cadangan penyelidikan tersebut hendaklah disediakan mengikut format yang telah diberikan dalam program Kursus Kaedah Penyelidikan.
  - 16.2. Surat perakuan penyelia yang menyatakan kesediaan/penerimaan untuk menyelia fellow di atas tajuk penyelidikan yang dicadangkan;
  - 16.3. Senarai kerja penulisan (sekiranya ada) yang berkaitan dengan penyelidikan yang akan dijalankan;
  - 16.4. Laporan mengenai kajian persediaan awal yang berkaitan dengan penyelidikannya. Laporan ini hendaklah merangkumi perkara berikut (mana yang berkenaan):-
    - a) Penyelidikan yang telah/sedang dijalankan;
    - b) Kursus/seminar/persidangan yang telah dihadiri;
    - c) Mata pelajaran yang diajar; atau
    - d) Tesis pelajar yang telah diselia.

16.5. Maklumat mengenai penyelia:-

- a) Maklumat peribadi (curriculum vitae) terutama mengenai jawatan dan kelayakan akademiknya;
- b) Keahlian dalam badan-badan profesional dan lain-lain;
- c) Senarai penulisan; dan
- d) Maklumat sama ada pernah dan sedang menyelia pelajar Ijazah Doktor Falsafah (nyatakan bilangan pelajar jika ada).

16.6. Maklumat mengenai penyelia boleh diperoleh daripada salah satu sumber berikut:-

- a) Pihak institusi pengajian yang dipohon;
- b) Bekas pelajar di bawah penyeliaan penyelia berkenaan.
- c) Orang perseorangan yang mengenali rapat penyelia berkenaan; atau
- b) Bahan-bahan rujukan seperti majalah, jurnal dan lain-lain.

16.7. Maklumat mengenai kemudahan yang terdapat di institusi pengajian yang dipohon dan boleh digunakan oleh fellow bagi menjalankan penyelidikan.

17. Fellow yang memohon untuk mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah di Amerika Syarikat perlu mengemukakan:-

17.1. Maklumat tentang senarai mata pelajaran yang perlu diikuti sebelum memulakan kerja penyelidikan; dan

17.2. Maklumat mengenai perpindahan jam kredit (transfer of credit) yang maksimum.

18. Setiap permohonan Fellow hendaklah diperakukan dan disokong oleh Ketua Pusat Tanggungjawab berkenaan sebelum dipertimbangkan dan diperakukan oleh Panel Cuti Belajar Universiti.

19. Fellow yang isteri/suami mereka bekerja dan akan menyertai fellow semasa bercuti belajar dikehendaki menyertakan salinan surat pelepasan majikan isteri/suami. Bagi isteri/suami yang tidak bekerja, pengesahan hendaklah disokong oleh mana-mana pegawai Kumpulan A.

20. Suami/isteri fellow yang sedang atau akan mengikuti pengajian di bawah tajaan Kerajaan, tajaan fellow akan tertakluk kepada Program Spouse dan peraturan semasa yang berkuatkuasa.

**Anak-Anak Di  
Bawah Umur  
13 Tahun**

21. Fellow yang bercuti belajar dan disertai oleh anak-anak diminta mengemukakan salinan sijil kelahiran mereka. Hanya anak-anak yang berumur di bawah 13 tahun terhad kepada 3 orang sahaja pada tarikh kuat kuasa cuti belajar akan dibayar tambang kapal terbang oleh Universiti.

25. Segala perbelanjaan yang terlibat dengan urusan untuk mendapatkan tempat di institusi pengajian yang dipohon adalah tanggungjawab fellow sendiri. Ini termasuklah bayaran wang pos, bil telefon, bayaran untuk perkhidmatan telefaks, bayaran untuk perkhidmatan telegram, teleks dan lain-lain.

**Urusan  
Memohon  
Tempat Di  
Institusi  
Pengajian**

26. Bayaran mendapatkan tempat pengajian dan bayaran menguruskan semua dokumen keperluan perjalanan seperti pasport antarabangsa dan visa boleh dituntut dengan universiti.

**Pemeriksaan  
Kesihatan**

27. Bagi fellow yang mengikuti pengajian di luar negeri dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan/perubatan daripada Pegawai Perubatan Klinik Panel atau kerajaan. Pemeriksaan perubatan ini hendaklah termasuk X-Ray dada. Jika fellow membawa keluarga hendaklah juga menjalani pemeriksaan yang sama. Sehubungan ini jika fellow didapati menghidap penyakit semula jadi atau penyakit yang boleh merebak, kelulusan cuti belajar akan dibatalkan. Begitu juga sekiranya keluarga fellow disahkan menghidap penyakit di atas, maka keluarga fellow tidak dibenarkan bersama mengikuti fellow.

28. Hasil dari pemeriksaan kesihatan sebagaimana yang dikehendaki oleh surat kelulusan Cuti Belajar ini, jika sekiranya laporan pemeriksaan kesihatan tersebut menunjukkan bahawa fellow tidak berkeupayaan (un-fit) untuk mengikuti pengajian maka kelulusan pelantikan Fellow ini akan ditarik balik.

29. Sekiranya fellow didapati sakit teruk dan berpanjangan yang boleh menyebabkan pengajian fellow terjejas atau tidak dapat diteruskan, maka fellow hendaklah memohon penangguhan dari institusi pengajian dan memohon untuk kembali ke Malaysia. Universiti boleh menarik balik kelulusan Cuti Belajar serta menamatkan Biasiswa dan tidak akan melayani apa-apa tuntutan ganti rugi berkenaan perkara ini. **Sakit Teruk dan Berpanjangan**
30. Walaupun demikian, setelah meneliti dan atas pertimbangan tertentu, setelah mendapat bukti keadaan fellow, Universiti boleh menangguhkan atau menamatkan Cuti Belajar.
31. Universiti akan menarik balik kelulusan Cuti Belajar serta menamatkan Biasiswa dan tidak akan melayani apa-apa tuntutan ganti rugi berkenaan perkara ini.
32. Kecuali dengan kebenaran Universiti fellow tidak boleh menerima apa-apa bantuan kewangan dan kemudahan dari sumber lain selain dari Universiti atau penganjur yang diluluskan oleh Universiti. Apa-apa bantuan yang diterima akan diselaraskan oleh Universiti. Sekiranya diketahui bahawa fellow menerima elaun atau bayaran dari sumber lain tetapi tidak melaporkan kepada Universiti ini maka tindakan tatatertib yang sewajarnya boleh diambil ke atas fellow dan Universiti boleh menarik balik atau menamatkan kelulusan Cuti Belajar dan biasiswa ini. **Bantuan Luar**
33. Sekiranya fellow gagal menamatkan pengajiannya dalam tempoh yang telah ditetapkan dan berhasrat memohon lanjutan tempoh cuti belajar, fellow hendaklah memohon lanjutan tempoh dari Universiti sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tempoh Cuti Belajar sedia ada itu berakhir dengan menggunakan Borang Permohonan Perlanjutan Perlantikan Fellow (U'TeM.Fellow 8/2008). Permohonan ini hendaklah:- **Perlanjutan Tempoh Cuti Belajar**
- memberi butir-butir tentang tempoh lanjutan yang diperlukan serta sebab-sebabnya;
  - disertakan dengan sokongan dan perakuan secara bertulis oleh institusi pengajiannya;
  - menyertakan senarai mata pelajaran yang diambil dan keputusan peperiksaan atau laporan kemajuan yang diperolehi dari tarikh fellow memulakan kursus sehingga ke tarikh permohonan itu dibuat (bagi kursus secara kerja kursus/syarahan); atau

- d) fellow yang mengikuti kursus secara penyelidikan dikehendaki mengemukakan jadual perancangan kursus (plan of study) bagi tempoh yang dipohon.
34. Kegagalan mengemukakan permohonan dalam masa yang ditetapkan atau mengemukakan permohonan yang kurang lengkap boleh menyebabkan permohonannya ditolak/lewat diproses.
35. Apa-apa tambahan masa atau lanjutan tempoh tidak semestinya dengan pemberian segala kemudahan atau faedah sepenuhnya yang boleh diberi di bawah syarat-syarat Cuti Belajar ini. Permohonan untuk lanjutan tempoh bagi mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi adalah tidak dibenarkan.
36. Jika fellow dikehendaki oleh institusi pengajiannya mengemukakan satu disertasi, tesis berkaitan dengan kursusnya, fellow hendaklah mengemukakan dan menyerahkan satu salinan kertas kerja/disertasi/tesis tersebut kepada Universiti sebaik sahaja ianya disempurnakan. **Tesis/Disertasi**
37. Tesis/Disertasi yang telah dikemukakan dan diserahkan kepada Universiti ini adalah menjadi hak Universiti dan atas kebenaran Universiti, ianya boleh digunakan sebagai bahan bacaan atau rujukan oleh pegawai-pegawai kerajaan, penuntut-penuntut atau orang perseorangan.
38. Fellow yang diarahkan membuat pembetulan tesis selepas peperiksaan lisan (viva) adalah diberi masa tidak lebih 14 hari daripada tarikh fellow menduduki peperiksaan (viva) berkenaan.
39. Bagi fellow yang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana yang belum menyelesaikan pengajiannya semasa melaporkan diri akan diberi tempoh selama 6 bulan daripada tarikh melaporkan diri untuk menyelesaikan pengajiannya. **Belum Menyelesaikan Pengajian**
40. Fellow yang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah akan diberi tempoh maksimum 6 tahun daripada tarikh fellow diulaskan cuti belajar untuk menyelesaikan pengajiannya. Walaubagaimanapun perlanjutan tempoh ini adalah tertakluk kepada kelulusan Panel Cuti Belajar.

41. Fellow yang tidak menyelesaikan kursusnya atau gagal pengajian, Universiti boleh mengenakan tuntutan gantirugi tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Mereka yang tidak mengemukakan apa-apa keputusan selepas masa di atas akan dianggap gagal.
42. Sekiranya Universiti mendapati bahawa fellow telah mengabaikan tanggungjawabnya yang mengakibatkan laporan mengenai kemajuan kursus adalah tidak memuaskan atau fellow gagal dalam mana-mana peperiksaan atau gagal dalam pengajian, maka pelantikan Fellow boleh ditarik balik serta Biasiswa ini boleh ditamatkan dan fellow boleh dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan dalam Perjanjian.

## **BAHAGIAN V TANGGUNGJAWAB**

43. Fellow adalah dikehendaki:

- 43.1 memberitahu tentang ketibaannya di negara tempat pengajian, alamat kediaman, maklumat bank dan sebagainya dengan mengisi borang Maklumat Diri Di Tempat Pengajian Bagi Fellow Sedang Bercuti Belajar. Borang yang telah lengkap dihantar kepada:

**Urus Setia Panel Cuti Belajar**  
**Pejabat Pendaftar**  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka**  
**Beg Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya,**  
**75450 Ayer Keroh, MELAKA;**  
**(Segala pertukaran maklumat hendaklah**  
**diberitahu kepada urus setia)**

- 43.2 Memaklumkan ketibaannya di negara tempat pengajian berserta alamat kediaman secara bertulis kepada Jabatan Penuntut-Penuntut Malaysia di negara berkenaan;
- 43.3 menumpukan sepenuh perhatian kepada kursus yang diikuti dan menghadiri syarahan-syarahan/kuliah, latihan amali dan sebagainya yang ditetapkan;
- 43.4 Memasuki semua peperiksaan yang dijadualkan di dalam kursus yang diikuti itu;



- 43.5 Mengemukakan satu salinan keputusan peperiksaan setiap tahun akademik/penggal/semester/quarter dalam tempoh sebulan selepas keputusan peperiksaan diumumkan;
  - 43.6 membenarkan institusi pengajian menghantar terus keputusan peperiksaan fellow ke Universiti;
  - 43.7 Kembali ke Malaysia dengan segera sebaik-baik sahaja kursusnya tamat walaupun tempoh kuat kuasa Cuti Belajar dan biasiswa belum tamat;
  - 43.8 Sebelum tamat pengajian, fellow tidak dibenarkan balik ke Malaysia (walaupun untuk cuti pendek) tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Universiti; dan
  - 43.9 Memaklumkan kepada Universiti ini tarikh fellow akan kembali ke Malaysia 2 (dua) bulan sebelum kursusnya tamat.
- 44 Kelakuan
- 44.1. Semasa mengikuti kursus, fellow dikehendaki berkelakuan sebagai seorang penuntut yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi arahan/peraturan yang dikeluarkan oleh Institusi Pengajian, Universiti dan Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa. Kelulusan Pelantikan Fellow ditarik balik dan Biasiswa ini boleh ditamatkan dan dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian andainya fellow melanggar arahan/peraturan yang dikeluarkan itu;
  - 44.2. Sekiranya fellow didapati atau dilaporkan terlibat dalam mana-mana kes jenayah dan apa-apa kesalahan yang akan mencemarkan nama baik Kerajaan Malaysia, Universiti atau Institusi Pengajiannya, maka kelulusan Pelantikan Fellow ditarik balik dan Biasiswa ini boleh ditamatkan. Fellow akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian; dan

44.3 Dalam tempoh pengajian, fellow tidak dibenarkan membuat perjalanan ke lain-lain negara selain dari negara tempat fellow belajar kecuali dengan kelulusan Universiti ini. Sekiranya fellow didapati atau dilaporkan melakukan perjalanan sedemikian tanpa kelulusan, maka tindakan tatatertib boleh diambil dan kelulusan Pelantikan Fellow boleh ditarik balik dan Basiswa ini boleh ditamatkan dan dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian. Fellow akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana ditetapkan di dalam Perjanjian.

#### 44.4 Kegiatan Politik dan Pertubuhan

a) Fellow adalah dilarang dari mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan politik dan dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang bercorak politik;

b) Sekiranya melanggar mana-mana syarat tersebut di perenggan (a) di atas, maka kelulusan Pelantikan Fellow boleh ditarik balik dan Basiswa ini boleh ditamatkan dan dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian.

### **BAHAGIAN VI** SITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA **HAK UNIVERSITI**

45 Walau apa pun perbekalan dalam surat perlantikan Fellow dan tawaran Cuti Belajar ini, Universiti berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat di atas dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan fellow adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan/atau tambahan tersebut. Universiti juga berhak menarik balik perlantikan atau menamatkan basiswa ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan Universiti tidak akan melayani apa-apa tuntutan ganti rugi berkenaan/ akibat dari perkara ini.

**PERJANJIAN FELLOWSHIP UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA  
MELAKA**

PERJANJIAN ini dibuat pada ..... haribulan ..... 200\_

DI ANTARA ..... No. Kad Pengenalan  
.....beralamat di .....

.....  
(kemudian ini disebut "Fellow") dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, sebuah institusi pengajian tinggi dan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Perbadanan) P.U (A) 45 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 1996 dan beralamat di No 1 Jalan TU 43 ,Taman Tasik Utama, 75450 Hang Tuah Jaya Ayer Keroh, Melaka (kemudian daripada ini disebut "UNIVERSITI");

Bahawasanya:-

1. Universiti telah, melalui Surat Tawaran bertarikh ..... Rujukan ..... (kemudian ini disebut "Surat Tawaran"), bersetuju menawarkan biasiswa di bawah Skim Fellow untuk membolehkan Fellow mengikuti pengajian di dalam bidang atau bidang-bidang pengajian dan tempat atau tempat-tempat pengajian yang ditentukan oleh Universiti.
2. Fellow telah bersetuju untuk menerima biasiswa yang ditawarkan di bawah Skim Fellow Universiti dan seterusnya mengikuti pengajian di dalam bidang atau bidang-bidang pengajian dan tempat atau tempat-tempat pengajian seperti yang telah ditentukan oleh Universiti dan seterusnya berkhidmat dengan Universiti.
3. Fellow tidak dibenarkan untuk memulakan pengajian di dalam mana-mana bidang-bidang pengajian dan juga di mana-mana tempat pengajian sebelum Fellow dan penjamin-penjamin menandatangani perjanjian dengan Universiti.
4. Fellow bersetuju dan mengakujaji akan terikat dengan syarat-syarat Perjanjian ini sekiranya Fellow dengan kelulusan Universiti menukar tempat pengajiannya selain dari tempat pengajian yang telah dipersetujui semasa menandatangani Perjanjian ini.

**MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI OLEH SEMUA PIHAK  
SEPERTI BERIKUT:**

5. Sebagai balasan kepada perkara-perkara yang disebut di atas, Universiti dengan ini bersetuju bahawa:-
  - a. Universiti akan membayar elaun-elaun, tambang, yuran dan perbelanjaan yang lain yang perlu dibayar dari semasa ke semasa kepada Fellow atau kepada pihak berkuasa Universiti, institusi atau mana-mana pusat pengajian lain berkenaan dengan pengajian Fellow mengikut kelayakan dan kadar yang dinyatakan di dalam peraturan Skim Fellow Universiti. Universiti berhak membuat apa-apa perubahan dari semasa ke semasa tentang kadar-kadar elaun sara hidup mengikut budi bicara mutlaknyanya.
  - b. Universiti akan membayar tambang mengikut kadar sebagaimana yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa kepada Fellow dan keluarga Fellow seperti yang diluluskan oleh Universiti jika Fellow dikehendaki mengikuti pengajiannya atau sebahagian daripada pengajiannya di luar negara.
6. Fellow dengan ini bersetuju dan mengakui seperti berikut:
  - a. Sebagai balasan kepada Universiti memberikan biasiswa kepada Fellow dan menanggung segala perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Surat Tawaran untuk Fellow mengikut pengajiannya, Fellow bersetuju dan mengakujajani akan bertanggungjawab sepenuhnya kepada Universiti untuk segala kehilangan dan kerugian sekiranya berlaku kemungkiran mana-mana terma dan/atau syarat Perjanjian ini oleh Fellow.
  - b. Fellow akan mengikuti pengajian berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Skim Fellow Universiti yang sedang berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran.
  - c. Fellow dengan ini mengaku janji bahawa telah membaca dan memahami isi kandung Surat Tawaran dan Peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di bawah Skim Fellow Universiti. Fellow juga faham bahawa Surat Tawaran dan Peraturan-peraturan di bawah Skim Fellow adalah sebahagian daripada Perjanjian ini.
  - d. Fellow bersetuju untuk menerima terma-terma dan syarat-syarat di bawah Peraturan Skim Fellow yang sedang berkuatkuasa dan sebarang perubahan yang akan dibuat terhadapnya oleh Universiti mengikut budi bicara Universiti tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Fellow berhubung perubahan tersebut.

- e. Universiti berhak untuk meminda peraturan-peraturan serta syarat-syarat di bawah Skim Fellow Universiti dari semasa ke semasa.
- f. Felo akan mengikuti pengajian yang diluluskan dan meyempurnakan pengajian tersebut di dalam tempoh seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran dan/atau tempoh lanjutan masa yang diluluskan oleh Universiti mengikuti budi bicaranya yang mutlak.
- g. Sekiranya tempoh lanjutan diberikan oleh Universiti kepada Fellow, maka Universiti tidak lagi bertanggungjawab untuk membayar elaun-elaun dan yuran yang terkandung di dalam fasal 5(a) Perjanjian ini tanpa menjejaskan hak-hak Universiti seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.
- h. Felo akan mengikuti pengajian di institusi pengajian yang diluluskan oleh Universiti dan Fellow akan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan atau dikenakan kepada Fellow oleh institusi pengajian tersebut atau negara di mana Fellow mengikuti pengajiannya.
- i. Setelah menamatkan pengajian dengan jayanya Fellow akan berkhidmat dengan Universiti di dalam suatu jawatan yang bersesuaian dengan kelulusan yang diperolehi oleh Fellow untuk suatu tempoh yang tidak kurang dari \_\_\_\_\_ tahun. Tempoh \_\_\_\_\_ tahun tersebut akan bermula dari tarikh Fellow melapor diri untuk bertugas di Universiti dan akan dibayar gaji selaras dengan skala gaji jawatan yang dilantik yang sedang berkuatkuasa pada masa tersebut. Tempoh kontrak ini mestilah dipenuhi dengan sepenuhnya. Sekiranya Universiti tidak memerlukan perkhidmatan Fellow selepas Fellow menamatkan pengajiannya, Universiti boleh melepaskan Fellow tanpa memerlukan Fellow berkhidmat dengan Universiti dan Fellow mengakui bahawa Fellow tidak akan mempunyai sebarang hak atau tuntutan terhadap Universiti.

- j. Fellow dikehendaki kembali ke Universiti dan melapor diri untuk bertugas di Universiti pada tarikh yang ditetapkan oleh Universiti selepas menyempurnakan pengajian atau sebelum menyempurnakan pengajiannya apabila diarahkan sedemikian oleh Universiti.
- k. Pada sepanjang tempoh pengajian yang diluluskan oleh Universiti, Fellow tidak akan mengambil bahagian di dalam apa apa aktiviti dan/atau kegiatan yang pada pendapat Universiti adalah tidak berfaedah kepada Fellow, pengajiannya dan/atau negara dan Fellow akan berhenti dengan serta merta daripada mengambil bahagian selanjutnya di dalam aktiviti dan/atau kegiatan tersebut apabila diarahkan berbuat demikian oleh Universiti.
- l. Pada sepanjang tempoh pengajian yang diluluskan, Fellow tidak dibenarkan meninggalkan bandar universiti di mana pengajian diikuti melainkan kebenaran bertulis yang terdahulu diperolehi oleh Fellow daripada Universiti.
- m. Fellow tidak akan menyediakan atau mengedarkan dengan apa-apa cara, atau mengambil apa jua bahagian dalam menyediakan atau mengedarkan, sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, di mana penghasutan atau tunjuk perasaan tersebut adalah pada pendapat Universiti, adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan Malaysia,Universiti atau institusi pengajian lain.
- n. Fellow tidak akan menyediakan, mencetak, mengedarkan atau mengambil bahagian dengan apa-apa cara dalam menyediakan, mencetak, atau mengedarkan apa-apa dokumen atau bahan yang, pada pendapat Universiti, adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan Malaysia,Universiti atau institusi pengajian lain.
- o. Fellow tidak akan membuat apa-apa kenyataan di sesuatu perhimpunan mana-mana kumpulan orang di mana-mana tempat yang ada pendapat Universiti adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan Malaysia,Universiti atau institusi pengajian lain.

7. Fellow dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa jika Fellow, pada bila-bila masa di dalam tempoh pengajiannya telah melakukan perkara-perkara seperti berikut:-
- a. Telah pada pendapat Universiti berkelakuan secara yang menjatuhkan nama baik Fellow atau Universiti atau Kerajaan Malaysia atau gabungannya atau gabungan-gabungannya;
  - b. Kemajuan atau pengendalian Fellow terhadap pengajiannya adalah, pada pendapat Universiti sebagai tidak memuaskan;
  - c. Meninggalkan pengajian sebelum menyempurnakan pengajiannya, tanpa persetujuan Universiti;
  - d. Menukar pengajian, peringkat pengajian, bidang pengajian, tempoh pengajian dan/atau penyelia pengajian tanpa persetujuan Universiti;
  - e. Fellow berhenti daripada atau meletak jawatan di dalam perkhidmatan Universiti sebelum tamat tempoh seperti yang tercatat di dalam fasal 6(i);
  - f. Disingkirkan daripada perkhidmatan Universiti akibat sebarang sebab di dalam masa tempoh yang Fellow telah setuju berkhidmat di bawah fasal 6(i) di dalam perjanjian;
  - g. Enggan atau oleh kerana salah lakunya sendiri menjadikan Fellow, pada pendapat Universiti, tidak sesuai untuk berkhidmat atau terus berkhidmat dengan Universiti menurut fasal 6(i) di dalam perjanjian ini;
  - h. Disabitkan melanggar undang-undang dan/atau peraturan institusi atau negara di mana pengajian dijalankan;
  - i. Fellow, pada pendapat Universiti, cuai terhadap atau tidak mengendahkan pengajiannya;
  - j. Fellow, pada pendapat Universiti, gagal menunjukkan prestasi yang baik di dalam pengajiannya;
  - k. Fellow terlibat dengan aktiviti politik atau aktiviti-aktiviti lain termasuk yang mendatangkan hasil pendapatan yang mana pada pendapat Universiti tidak selaras dengan tujuan dan kehendak pengajian;

- l. Fellow disingkirkan dari institusi tempat Fellow menjalani pengajiannya;
- m. Fellow tidak sihat daripada segi mental dan/atau fizikal sehingga menjejaskan pengajiannya;
- n. Fellow gagal memperolehi ijazah bagi pengajian yang telah diikuti di dalam tempoh masa yang ditetapkan atau tempoh masa seperti yang telah dilanjutkan oleh Universiti;
- o. Fellow meninggalkan perkhidmatan Universiti sebelum tamat tempoh kontrak dengan Universiti; atau
- p. Fellow menarik diri setelah disandarkan di institusi pengajian.

Maka Universiti atas budi bicaranya yang mutlak berhak menggantungkan dan/atau menamatkan biasiswa Fellow dan pada bila-bila masa memanggil balik Fellow melalui notis bertulis dan tanpa memberi sebarang sebab dan Fellow tidak berhak membuat sebarang tuntutan gantirugi terhadap Universiti akibat dari penggantungan dan/atau penamatan biasiswa serta Fellow juga tidak berhak kepada sebarang faedah di bawah Perjanjian ini. Penamatan biasiswa ini adalah tanpa menjejaskan hak-hak Universiti di bawah Perjanjian ini.

- 8. Fellow dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa jika pada bila-bila masa di dalam tempoh perjanjian ini, salah seorang atau kedua-dua penjamin kepada Fellow meninggal dunia atau tidak lagi bermastautin dalam Malaysia atau berada di luar Malaysia selama lebih dari dua belas (12) bulan secara berterusan atau diisytiharkan bankrap atau memperolehi perintah pentadbiran pemakan gaji, maka Fellow hendaklah menggantikan penjamin atau penjamin-penjamin tersebut dengan penjamin atau penjamin-penjamin yang lain yang diluluskan oleh Universiti dan yang sedia bersetuju menggantikan penjamin atau penjamin-penjamin yang terdahulu tersebut.
- 9. Sekiranya seorang penjamin atau penjamin-penjamin tidak dapat diperolehi oleh Fellow sebagai penjamin atau penjamin-penjamin yang baru atau calon penjamin atau penjamin-penjamin yang baru tersebut itu tidak diterima oleh Universiti sebagai penjamin, maka Universiti boleh, mengikut budi bicaranya yang mutlak, menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta dan Fellow tidak berhak menerima sebarang faedah di bawah Perjanjian ini.



10. Fellow dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa jika Fellow melakukan sebarang pelanggaran dan/atau pemecahan syarat seperti yang dinyatakan di fasal 7 Perjanjian ini yang mengakibatkan Perjanjian ini ditamatkan oleh Universiti, maka, Fellow atau waris waris atau wasi wasinya adalah bertanggungjawab untuk membayar kepada Universiti:-
  - i. kesemua perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Universiti untuk dan bagi pihak Fellow di dalam tempoh pengajian Fellow sebagai gantirugi;
  - ii. jumlah keseluruhan gaji kasar yang telah dibayar oleh Universiti kepada Fellow semasa keseluruhan tempoh pengajian Fellow.
11. Fellow dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa jumlah wang yang dinyatakan di perenggan 10(i) dan (ii) di atas hendaklah dibayar balik kepada Universiti di dalam tempoh masa satu (1) bulan dari tarikh tuntutan dibuat oleh Universiti terhadap Fellow. Fellow juga bersetuju dan mengakui bahawa jika Fellow gagal, enggan dan/atau cuai untuk membayar balik kepada Universiti jumlah wang yang dinyatakan di perenggan 10(i) dan (ii) di atas di dalam tempoh masa satu (1) bulan dari tarikh tuntutan dibuat oleh Universiti terhadap Fellow, maka jumlah wang tersebut akan dituntut oleh Universiti dengan apa cara sekalipun sebagai hutang Fellow kepada Universiti.
12. Fellow dengan ini bersetuju bahawa bagi maksud perenggan 10 di atas, penyata akaun, jika dikeluarkan dan diaku sahkan oleh Jabatan Bendahari Universiti berhubung dengan jumlah wang yang terhutang dari Fellow kepada Universiti, akan menjadi bukti muktamad berhubung jumlah hutang tersebut.
13. Walaupun apa apa pun yang berlawanan dengan yang terkandung di atas, Universiti, boleh, dengan memberi satu (1) bulan notis secara bertulis kepada Fellow, menamatkan Perjanjian ini pada bila bila masa mengikut budi bicaranya yang mutlak dan tanpa memberikan apa apa sebab. Di dalam hal keadaan tersebut, segala hak dan tanggungjawab Fellow di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti. Jika pada masa penamatan Perjanjian ini, Fellow berada di luar negara, maka Universiti akan memberikan tambang balik ke Malaysia kepada Fellow mengikut jalan udara dan mengikut kelayakan seperti yang ditentukan oleh Universiti. Fellow juga bersetuju dan mengakui bahawa keputusan Universiti di dalam hal ini adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada kajian semula dalam sebarang bentuk.

14. Perjanjian ini akan dikawal dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang yang terpakai di Malaysia dan pihak-pihak kepada perjanjian ini bersetuju untuk menyerahkan kepada bidangkuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
15. Masa adalah intipati perjanjian ini.
16. Perjanjian ini adalah mengikat di sisi undang-undang terhadap pihak-pihak kepada perjanjian ini dan wakil diri mereka.
17. Fellow dengan ini mengakui bahawa Fellow telah membaca peruntukkan-peruntukkan perjanjian ini dan memahami serta bersetuju dengan peruntukkan-peruntukkan tersebut.
18. Fellow juga bersetuju dan mengakui bahawa Fellow telah dinasihatkan oleh Universiti untuk memperolehi nasihat perundangan secara berasingan berhubung dengan kesan dan akibat perjanjian ini dan Fellow mengakui bahawa peruntukkan-peruntukkan perjanjian ini adalah mengikat samada atau tidak Fellow telah mendapatkan nasihat perundangan tersebut.
19. Tiada kelonggaran kelambatan oleh Universiti di dalam menguatkuasakan haknya di bawah terma-terma dan syarat-syarat perjanjian ini akan memprasangkakan, memberikan kesan atau menghadkan hak dan kuasa Universiti di bawah perjanjian ini dan tiada sebarang pengeneapan oleh Universiti berhubung sebarang pelanggaran terma-terma dan syarat-syarat perjanjian ini akan berkesan sebagai pengeneapan sebarang pelanggaran berikutnya atau pelanggaran yang berterusan.
20. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara terma-terma di dalam Surat Tawaran atau peraturan-peraturan di bawah Skim Fellow Universiti dengan terma-terma khusus di dalam Perjanjian ini maka terma-terma di dalam Surat Tawaran akan diutamakan dan dikuatkuasakan.
21. Semua lampiran kepada perjanjian ini adalah merupakan bahagian penting perjanjian ini dan akan dibaca sebagai sebahagian daripada perjanjian ini.
22. Setiap peruntukkan di dalam perjanjian ini boleh diasingkan dan berbeza di antara satu sama lain dan jika mana-mana peruntukkan atau sebahagian daripada peruntukkan di dalam perjanjian ini adalah didapati tidak dapat dikuatkuasakan tidak sah atau tidak berkuat kuasa, peruntukkan tersebut adalah dianggap sebagai terbatal dan peruntukkan-peruntukkan lain perjanjian ini akan dianggap sebagai masih berkesan dan dikuatkuasakan.

23. Penyampaian dan penyerahan sebarang notis dan/atau proses undang-undang dalam sebarang bentuk dan format yang perlu diserahkan menurut peruntukkan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980 atau Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 boleh dilaksanakan dengan menghantar secara pos biasa atau pos berdaftar kepada alamat yang dinyatakan di dalam perjanjian ini dan akan dianggap sebagai telah diserahkan secara sempurna setelah tamat tempoh tiga (3) hari dari tarikh ia diposkan. Fellow bersetuju bahawa sebarang pertukaran alamat Fellow hanya akan berkuatkuasa setelah notis mengenai penukaran alamatnya diberikan secara bertulis kepada Universiti.
24. Perjanjian ini akan mengikat semua wakil diri, wasi, pentadbir harta pusaka Fellow dan penerima hak dan pengganti Universiti.
25. Semua kos berhubung perjanjian ini termasuk duti stem akan ditanggung oleh Fellow. Jika tindakan undang-undang diambil oleh Universiti terhadap Fellow berdasarkan perjanjian ini, maka semua perbelanjaan dan kos, termasuk kos guaman di atas skala peguamcara-anak guam, yang berbangkit akan ditanggung oleh Fellow.



Pada menyaksikan hal-hal di atas pihak-pihak yang tersebut dalam perjanjian ini telah menurunkan di sini tandatangan dan meteri-meteri mereka pada haribulan dan tahun yang mula tertulis di atas.

Ditandatangani dan Diserahkan oleh

.....  
(Nama Fellow)

.....  
(Tandatanganan Fellow)

di hadapan Saksi

.....  
Nama Saksi

.....  
(Tandatanganan Saksi)

Alamat .....

Pekerjaan .....

No. K.P .....

Ditandatangani bagi pihak Universiti oleh

.....  
(Nama Pendaftar)

.....  
(Tandatanganan Pendaftar)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

di hadapan Saksi

.....  
Nama dan Tandatangan Pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan Skim Fellow

Alamat .....

Pekerjaan .....

No. K.P .....

**SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN DAN SYARAT-SYARAT  
SKIM FELLOW UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Alamat Kediaman

---

---

---

Telefon :

Urus Setia Panel Cuti Belajar  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tuan,

Saya ..... No. Kad Pengenalan .....  
bersetuju menerima/menolak Tawaran dan Syarat-Syarat sebagaimana  
ditetapkan mengikut surat tawaran tuan rujukan .....  
bertarikh .....

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
Tandatangan

Alamat .....  
.....  
.....

Tarikh: .....

Tel : .....

Unit Cuti Belajar  
Pejabat Pendaftar

**PANDUAN UNTUK MENGISI PERJANJIAN FELLOW  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**SILA BACA ARAHAN INI DENGAN TELITI  
SEBELUM MENGISI BORANG PERJANJIAN INI**

**1. SURAT PERJANJIAN**

Fellow yang dituluskan Pelantikan Fellow melebihi 3 bulan adalah dikehendaki mengisi 5 salinan Perjanjian Fellow dan mengembalikan semula ke Universiti ini serta merta untuk tindakan selanjutnya. Kelewatan mengembalikan Perjanjian Fellow (UTeM.Fellow 15/2007) akan menyebabkan tawaran pelantikan tersebut ditarik balik.

**2. CONTOH SURAT PERJANJIAN**

Salinan contoh untuk mengisi perjanjian adalah dilampirkan bersama-sama ini. **Fellow/Penjamin/Saksi hendaklah berhati-hati semasa mengisi perjanjian tersebut.** Jika berlaku kesilapan semasa mengisi perjanjian, **Fellow/Penjamin/Saksi adalah tidak dibenarkan memadamkannya.** Sebarang kesilapan hendaklah dipotong dengan satu garisan sahaja dan ditandatangani ringkas (**initial**) oleh **fellow dan kedua-dua penjamin.** Penggunaan sebarang cecair pemadam (**correction fluid**) untuk tujuan pembetulan adalah tidak dibenarkan. Fellow diingatkan bahawa Universiti ini berhak untuk menolak perjanjian yang didapati kotor atau terlalu banyak kesilapan. —

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**3. CARA-CARA MENGISI BORANG PERJANJIAN**

- i. Hanya tulisan rumi dibenarkan untuk mengisi perjanjian.
- ii. Kesemua salinan hendaklah diisi dengan dakwat hitam atau ditaip. Salinan karbon (carbon copies) tidak boleh digunakan.
- iii. Nama penuh seperti dalam kad pengenalan, **alamat rumah yang tetap dan nombor kad pengenalan** kesemua ahli-ahli di dalam perjanjian hendaklah dinyatakan dengan penuh dan betul.
- iv. Alamat rumah kerajaan (Quarters) atau rumah sewa adalah tidak dibenarkan.

## Betul

Mohamad Kasim bin Abdul Rahman  
180A Jalan Haji Samad  
Brickfield, 51100 Kuala Lumpur  
No. K/P : A0497302No.

## Salah

Mohd. Kasim b. A. Rahman  
Kementerian Pendidikan  
50604 Kuala Lumpur  
K/P : A0497302

Chin Ah Fong  
23, Lorong Kampung Mangga  
Petaling, 55000 Kuala Lumpur  
No. K/P : 730212055422

A.F. Chin  
Syarikat Sabun  
53000 Kuala Lumpur  
No. K/P : 730212055422

#### 4. PENJAMIN-PENJAMIN

- i. Kedua-dua penjamin mestilah warganegara Malaysia.
- ii. Penjamin mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dengan jumlah pendapatannya mestilah **tidak kurang** daripada RM1,000.00 sebulan dan berumur **tidak lebih** daripada 50 tahun.
- iii. Penjamin **PERTAMA** dan **KEDUA** mestilah dua orang yang berlainan.
- iv. Bagi penjamin yang tidak boleh menandatangani dan **TULISAN RUMI**, mereka dibenarkan menurunkan cap jari.
- v. Penjamin boleh menjadi penjamin kepada lebih dari seorang fellow sekiranya berkemampuan dan sanggup menghadapi sebarang kemungkinan yang timbul.
- vi. Kedua-dua penjamin dikehendaki melengkapkan borang kedudukan kewangan penjamin dan dihantar bersama-sama dengan borang perjanjian.

- vii. Penjamin-penjamin diingatkan bahawa mereka adalah bersama-sama bertanggungjawab dengan fellow yang dijamin terhadap apa-apa tuntutan yang dibuat oleh Universiti sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat.
- viii. Penjamin-penjamin yang telah bersetuju menandatangani perjanjian tidak boleh menarik diri dari menjadi penjamin kecuali mereka yang hilang kelayakan seperti yang diperuntukkan dalam surat perjanjian.

## 5. SAKSI-SAKSI

Penjamin-penjamin, disyaratkan supaya menandatangani perjanjian di hadapan saksi-saksi:-

- i. Saksi-saksi hendaklah menyatakan dengan jelas:-
  - a) Nama
  - b) Jawatan
  - c) Alamat Pejabat
  - d) No. Kad Pengenalan/KPT
- ii. Saksi-saksi hendaklah terdiri daripada staf **kerajaan dalam Kumpulan A**. Staf yang sedang berkhidmat hendaklah **menurunkan cop gelaran jawatannya** seperti Penolong Setiausaha, Penolong Pengarah, Pegawai Daerah dan sebagainya. **Cop jawatan bagi pihak Ketua Jabatan** seperti b.p. Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah dan sebagainya adalah **dilarang**.
- iii. Saksi-saksi tidak boleh menjadi penjamin bagi satu borang perjanjian yang sama.
- iv. Seorang saksi boleh menjadi saksi untuk Fellow dan kedua-dua penjaminnya.

## 6. CUKAI SETEM (GUNAKAN SETEM HASIL SAHAJA)

Apabila perjanjian telah selesai dipenuhi, fellow hendaklah menguruskan sendiri cukai setemnya sebanyak **RM3.00 bagi tiap-tiap salinan** perjanjian tersebut dengan membawa surat-surat perjanjian ke pejabat Setem/Daerah untuk diremitkan (cop rubber-stamp). Lekatkan setem di **bahagian atas, kanan, muka pertama perjanjian**.



## 7. PENGEMBALIAN SURAT-SURAT PERJANJIAN

Kelima-lima salinan surat perjanjian yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke Urus Setia Panel Cuti Belajar seperti dikehendaki dalam surat Tawaran Fellow. Kegagalan menepati tarikh yang ditetapkan ini akan mengakibatkan kelewatan dalam pembayaran elaun biasiswa kepada fellow dan boleh menyebabkan tawaran fellow ini dibatalkan.

## 8. PEMULANGAN PERJANJIAN KEPADA FELLOW DAN PENJAMIN

Setelah Universiti ini mengambil tindakan ke atas surat-surat perjanjian, Universiti akan memulangkan 1 salinan surat perjanjian kepada fellow dan kedua-dua penjamin untuk simpanan.

## 9. PERTUKARAN ALAMAT

Sebarang pertukaran alamat Fellow dan penjamin hendaklah dimaklumkan ke Fakulti/Jabatan dengan segera.

## MAKLUMAT TAMBAHAN (UNTUK SAKSI)

10. Saksi-saksi bagi fellow dan kedua-dua penjamin hendaklah terdiri daripada pegawai kerajaan (Staf-staf dari badan swasta tidak dibenarkan) yang **BOLEH MENGESAHKAN** butir-butir keterangan diri fellow dan penjamin-penjaminnya. Mereka boleh terdiri dari:-
  - a. Penghulu, Ketua Mukim dan Ketua Kampung yang mempunyai Cop Jawatan Rasmi.
  - b. Semua pegawai Kerajaan dalam Kumpulan A dan yang setaraf dengannya yang mempunyai cop-cop rasmi jawatan seperti Pegawai Daerah dan Penolongnya, Penolong Setiausaha, Penolong Pengarah dan sebagainya.
  - c. Fellow-Fellow dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman seperti Majisterat, Peguam dan sebagainya.
  - d. Wakil Rakyat
  - e. Jaksa Pendamai
  - f. Pengetua/Guru Besar Sekolah Menengah Sahaja.
2. Cop rasmi Jawatan dan Jabatan hendaklah disertakan bagi saksi yang menandatangani perjanjian.

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
**BUTIR-BUTIR MENGENAI LAPORAN KEDUDUKAN**  
**KEWANGAN PENJAMIN**

1. Saya mengaku menjadi penjamin kepada pegawai yang bernama ..... No. Kad Pengenalan .....  
 Jawatan : .....
  
2. Berikut ialah butir-butir mengenai diri saya :
  - i. Nama : .....
  - ii. No. Kad Pengenalan : .....  
 (Sila sertakan salinan)
  - iii. Alamat tetap : .....
  - iv. Warganegara : .....
  - v. Tarikh Lahir : .....
  - vi. Pekerjaan/Jawatan : .....
  - vii. Alamat Pejabat : .....
  - viii. Nama dan Alamat Majikan : .....
  - ix. Jawatan \*Tetap/Sementara/ Kontrak (potong mana yang tidak berkenaan).
  - x. Gaji pokok saya sebulan ialah sebanyak RM.....
  - xi. Jumlah pendapatan saya sebulan (termasuk gaji) adalah dianggarkan berjumlah RM .....
  - xii. Saya mempunyai harta :
    - a. Tanah (luas & nilainya) : .....
    - b. Rumah (nilainya) : .....
    - c. Lain-lain harta seperti kedai dan sebagainya: .....
  - xiii. Tanggungan saya adalah seramai ..... orang dan perbelanjaan sebulan adalah dianggarkan berjumlah sebanyak RM .....
  
3. Saya mengaku bahawa segala keterangan yang saya berikan dalam borang ini adalah betul dan benar.

Tarikh: .....

.....

(Tandatangan)

**MAKLUMAT DIRI FELLOW DITEMPAT PENGAJIAN**

Kepada  
 Urus Setia Panel Cuti Belajar  
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
 Karung Berkunci No. 1200, Hang Tuah Jaya,  
 75450 Ayer Keroh, Melaka  
 MALAYSIA

Tuan,

Berikut ialah maklumat mengenai diri saya ditempat pengajian:

Nama Penuh : .....  
 No. Pekerja : .....  
 Alamat Kediaman Ditempat Pengajian : .....  
 .....  
 No. Telefon Rumah : .....  
 No. Telefon Bimbit : .....  
 Alamat di Universiti Pengajian : .....  
 .....  
 No. Telefon di Universiti : .....  
 No. Faxes di Universiti : .....  
 Alamat Email : .....  
 Tarikh Mendaftar Pengajian (\*\*): .....

Akaun Bank (Untuk Pembayaran Biasiswa)

Nama Bank : .....  
 Alamat Bank : .....  
 .....  
 Nama Akaun : .....  
 No. Akaun (\*) : .....  
 Swift Code / Sort Code : .....  
 Caj Bank : .....  
 Customer Number: .....  
 Jenis Akaun : .....  
 Jenis Matawang : .....

Saya berjanji akan memaklumkan secepat mungkin kepada pihak tuan sekiranya berlaku sebarang perubahan butir-butir di atas.

Tarikh : .....

(Tandatangan)

- \* Staf Cuti Belajar Dalam Negeri Sahaja: Satu salinan hadapan Buku Akaun Bank (Akaun Simpanan) atau penyata bank (Akaun Semasa) hendaklah disertakan bersama dengan borang ini.
- \*\* Sila sertakan bukti bertulis seperti surat pengesahan daripada universiti pengajian/resit/slip pendaftaran dan sebagainya.



**DIVISION OF ORGANISATIONAL AND HUMAN RESOURCE  
DEVELOPMENT  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PROGRESS REPORT**

**SEMESTER ..... SESSION .....**

Notes : Parts A,B and C to be completed by student  
 Parts D and E to be completed by supervisor/program coordinator

<b>A</b>	<b>STUDENT PARTICULARS</b>
----------	----------------------------

Name :  Sponsor :

Matric No./Student No.:  Identity Card No./Pasport No.:

Correspondence Address:

**PROGRAMME DETAILS:**

Program of Study :		
Area of Specialization :		
Length of Study	Registration Date	Exp. date of completion
Name of Supervisor/Program Coordinator :		
1. ....		
2. ....		
Period of which this report is based:	From	To

<b>B</b>	<b>PROGRESS OF STUDY</b>
----------	--------------------------

<b>B1</b>
-----------

**For Coursework Only (if applicable)**

- i. Total credits/subjects required to complete the program
- ii. Total of transferred credits/subjects approved by the University (if applicable)
- iii. Total credits/subjects accumulated to date
- iv. Subjects/examination results for this semester/year

	(Subject)	(Code)	(Credit)	(Grade)
1.	.....	.....	.....	.....
2.	.....	.....	.....	.....
3.	.....	.....	.....	.....
4.	.....	.....	.....	.....
5.	.....	.....	.....	.....
6.	.....	.....	.....	.....
7.	.....	.....	.....	.....
8.	.....	.....	.....	.....
	.....	.....	.....	.....
	.....	.....	.....	.....

(Note : Please enclose a copy of certified examination result slip)

GPA : .....

CGPA : .....

B2

For Research (if applicable)

i. Title of thesis/Research project

ii. Project outline



iii. Data collection

iv. Data analysis

v. Chapters completed and progress to date



vi. Expected date of submission

اينيو سيقي تيكنيكل ماليسيا ملاك

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

vii. Factors impeding the progress of research (if any)



<b>C</b>	<b>STUDENT ACTIVITIES</b>
----------	---------------------------

i. Papers published/presented, seminar attended, etc.

ii. Non-academic activities

iii. Rewards/Awards



اوتيمور سيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

I declare that the statements above are true, complete and correct.

.....  
Date

.....  
Student's Signature

D	<b>ACADEMIC PERFORMANCE</b>
---	-----------------------------

This report is strictly **CONFIDENTIAL**. Please submit direct to:

**DIVISION OF ORGANISATIONAL AND HUMAN RESOURCE  
DEVELOPMENT**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
**75450 AYER KEROH, MELAKA**  
**MALAYSIA**

Name of Student :

Program of Study :

i. Comment on student progress



ii. Stage of thesis/project/coursework

iii. Expected date of completion

iv. Student's performance (on scale of 1 to 10)

--

POOR	FAIR	GOOD	VERY GOOD	EXCELLENT
1, 2	3, 4	5, 6	7, 8	9, 10

a.	<b>Commitment</b> - Dedicated in pursuing studies	.....
b.	<b>Integrity</b> – Performs task with intellectual honesty	.....
c.	<b>Interest/Discipline</b> – Adheres to rules and regulations	.....
d.	<b>Work quality and efficiency</b> – Produces good work in specified time	.....
e.	<b>Ability to work independently</b> – Does not depend on supervisor or others to perform task	.....
f.	<b>Attendance</b> – Attend lectures/supervision regularly	.....
g.	<b>Overall perspective</b> – Able to view issues from boarder perspective	.....
h.	<b>English proficiency, if applicable</b> – Student's command of the language	.....
i.	Written	.....
ii.	Spoken	.....
		.....
		.....

<b>E</b>	<b>GRADING THE OVERALL PERFORMANCE</b>
----------	--

From the above assessment, I am recommending the overall performance of the student as below.

Overall Assessment	Statement by Category	Mark Description	Mark (M)	**Comment
a. Satisfactory	Excellent	$9.0 \leq M < 10.0$		
	Very Good	$8.0 \leq M < 9.0$		
	Good	$7.0 \leq M < 8.0$		
		$6.0 \leq M < 7.0$		
b. Unsatisfactory	Fair	$5.0 \leq M < 6.0$		
		$4.0 \leq M < 5.0$		
c. Fail	Poor	$3.0 \leq M < 4.0$		
		$2.0 \leq M < 3.0$		
		$1.0 \leq M < 2.0$		
		$0.0 \leq M < 1.0$		

**\*\* NOTE:**

- Score for mark is based on 10
- For base other than 10, please convert the mark scored as follows:  
 Where  $M = C \times \frac{10}{C_{max}}$

= The mark scored and converted to base 10;  
 C = The actual score either in the form of Cumulative Grade Point Average (CGPA) or percentage  
 C<sub>max</sub> = The possible full mark (maximum) score either in the form of Cumulative Grade Point Average (CGPA) or percentage;

RECOMMENDATION :

---

Name of Supervisor/Program Coordinator : .....

Designation : .....

Signature : .....

Date : .....

F	FOR OFFICE USE ONLY
---	---------------------

PERAKUAN FAKULTI

BERSETUJU / TAK BERSETUJU \* dengan gred penilaian di Bahagian E.

Ulasan :

---

---

---

---

---

---

---

---

.....  
Tandatangan Ketua Pusat Tanggungjawab

Tarikh: .....  
اونيور سيتي تيكنيكل ماليزيا ملقا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
**PERMOHONAN PERLANJUTAN PERLANTIKAN FELLOW**

**1. Maklumat Fellow**

- a. Nama : \_\_\_\_\_  
b. Kursus : \_\_\_\_\_  
c. Pusat Pengajian : \_\_\_\_\_  
d. Tempoh Lantikan Asal : \_\_\_\_\_  
e. Tempoh Lanjutan Terdahulu : \_\_\_\_\_  
(Jika Berkenaan)

**2. Permohonan Perlanjutan**

- a. Tempoh Yang Dipohon : \_\_\_\_\_  
b. Sebab-sebab Perlanjutan Dipohon : \_\_\_\_\_



- c. Sokongan Penyelia :  
Permohonan Disokong / Tidak Disokong

**3 Ulasan Ketua Pusat Tanggungjawab**

Saya menyokong / tidak menyokong permohonan ini di atas sebab-sebab berikut :

---

---

---

---

---

Tarikh : \_\_\_\_\_ Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_

(Cop Rasmi Ketua Pejabat)

**4 Ulasan Pentadbiran (Unit Cuti Belajar)**

---

---

---

---

---

Tarikh : \_\_\_\_\_ Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_

(Cop Rasmi PP)

**5 Kelulusan Pengerusi Panel Cuti Belajar**

Permohonan ini diluluskan / tidak diluluskan sebagai mana syor di atas.

---

---

---

---

---

Tarikh : \_\_\_\_\_ Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_

(Cop Rasmi)

**TEMPOH PENGAJIAN DAN PENAJAAN FELLOW**

Bil.	Peringkat Pengajian	Negara	Tempoh Pengajian Dan Penajaan Asal	Tempoh Lanjutan (Maksima)						
				Lanjutan A		Lanjutan B		Lanjutan C		
				Tempoh	Kemudahan	Tempoh	Kemudahan	Tempoh	Kemudahan	
1.	Sarjana	USA	18 bln	6 bln	Bergaji Penuh Dan Biasiswa	3 bln	Bergaji Penuh & Tanpa Biasiswa	3 bln	Tanpa Gaji & Tanpa Biasiswa	Panggil Balik
		UK & Lain-Lain Negara	12 bln (KK)	3 bln		3 bln				
			18 bln (P)	6 bln		3 bln				
		Malaysia	18 bln	6 bln		3 bln				
2.	Ijazah Doktor Falsafah	USA	48 bln	12 bln	Bergaji Penuh Dan Biasiswa	6 bln	Bergaji Penuh & Tanpa Biasiswa	6 bln	Tanpa Gaji & Tanpa Biasiswa	Panggil Balik
		UK	36 bln	6 bln		6 bln				
		Malaysia	36 bln	12 bln		6 bln				
		Lain-Lain Negara	36 bln	6 bln		6 bln				

Lain-Lain Negara Termasuk Australia, New Zealand, Timur Tengah, Indonesia, Singapura, Canada

Korea Selatan, Canada Dan Jepun Sama Seperti USA

Universiti Akan Membayar Yuran Pengajian Dalam Tempoh Pengajian 'Tanpa Biasiswa'



**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
**TEMPOH IKATAN PERJANJIAN DAN JUMLAH**  
**GANTIRUGI SKIM FELLOW**

	TEMPOH KONTRAK		JUMLAH GANTIRUGI (RM)	
	I	II*	Dalam Negeri	Luar Negara
<b>FELLOW</b>				
<b>A. Cuti Belajar Berelaun Dengan Biasiswa</b>				
<b>a. Sijil/Ijazah Lanjutan</b>				
i. Tempoh pengajian lebih 3 bulan hingga 1 tahun**	2	3	20,000.00	40,000.00
ii. Tempoh pengajian lebih 1 tahun hingga 2 tahun	4	5	50,000.00	100,000.00
iii. Tempoh pengajian lebih 2 tahun hingga 3 tahun	5	6	60,000.00	120,000.00
iv. Tempoh pengajian lebih 3 tahun	6	7	80,000.00	160,000.00
<b>B. Cuti Belajar Lain-Lain Kategori ***</b>				
<b>a. Diploma/Ijazah Pertama</b>				
i. Tempoh pengajian 4 tahun atau kurang	4	6	53,000.00	100,000.00
ii. Tempoh pengajian lebih daripada 4 tahun	5	7	65,000.00	130,000.00
<b>b. Diploma/Ijazah Lanjutan ****</b>				
i. Tempoh pengajian lebih 3 bulan hingga 1 tahun	1	2	10,000.00	20,000.00
ii. Tempoh pengajian lebih 1 tahun hingga 2 tahun	2	3	25,000.00	50,000.00
iii. Tempoh pengajian lebih 2 hingga 3 tahun	3	4	30,000.00	60,000.00
iv. Tempoh pengajian lebih 3 tahun	4	5	40,000.00	80,000.00

## PANDUAN

### I Kursus Bukan Profesional

### II Kursus Profesional

- \* Kursus Profesional meliputi kursus-kursus seperti Perubatan dan Pergigian, Kejuruteraan, Senibina, Perakaunan (UK& Australia) dan Undang-undang seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan.
- \*\* Tempoh 3 bulan atau kurang tidak dikenakan ikatah perjanjian dan gantirugi
- \*\*\* Meliputi Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) tanpa Biasiswa, Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) dengan Biasiswa, CBSG tanpa Biasiswa dan Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) dengan Biasiswa.
- \*\*\*\* Meliputi Kursus Diploma Lulusan Ijazah, Sarjana, Ph.D dan Kepakaran





## Perpustakaan


Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Hubungi:

Phone: 06-3316822 | Fax: 06-3316811

<http://library.utm.edu.my>




اوتيم سيني تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PERPUSTAKAAN**  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

0000055584

07 MAY 2009



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
**UTeM**

اوبنور سيني تيكنيكي مليسيا مالايه

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA,  
PEJABAT PENDAFTAR,  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)  
KARUNG BERKUNCI 1200, HANG TUAH JAYA,  
AYER KEROH, 75450 MELAKA**